

Jaga persekitaran r

» Elak suasana selesa untuk Aedes membiak

BH 12/8/14 MS 12/13.

Oleh Azida Shahrudin
azida@bh.com.my

Musim panas dan fenomena El-Nino melanda negara ini memberi perubahan kepada persekitaran kehidupan, selain menyebabkan cuaca kering serta peningkatan suhu yang menambah potensi penyebaran virus denggi dengan lebih cepat disebabkan tabiat pergerakan nyamuk.

Ramai tidak tahu, peningkatan suhu sebenarnya membuatkan nyamuk Aedes lebih aktif menggigit, selain tempoh gandaan virus menjadi lebih singkat sehingga berpotensi penyebaran virus dengan lebih cepat.

Hanya lima hingga enam hari digigit nyamuk berbelang hitam putih di badan dan kaki ini, timbul gejalanya termasuk letih, muntah, loya, seram sejuk, ruam, sakit kepala dan belakang mata serta sakit sendi.

Sebaik terkena sama ada mene-



“
Saya juga
membuang
sampah dengan
lebih teratur dan
membersihkan
tong sampah
untuk **pastikan
tidak ada
lelehan air
kotoran
sampah
yang boleh**

...mengalakkan pembiasaan jentik-jentik”

Mulyati Afiza Mutalib,
Penolong Pengarah Kanan
Kementerian Perdagangan
Antarabangsa
dan Industri

rima rawatan di wad atau pesakit luar, anda menderita dan jika tidak bernasib baik boleh menyebabkan demam denggi berdarah atau sindrom kejutan denggi.

Denggi berdarah juga boleh membawa maut jika tidak dirawat dan kebanyakan kematian dilaporkan dalam kalangan orang dewasa tetapi kanak-kanak juga boleh menjadi mangsa jika tidak mendapat rawatan sewajarnya.

Sindrom kejutan denggi pula memiliki kadar kematian setinggi 50 peratus, dengan dua pertiga daripadanya membabitkan

kanak-kanak.

Pantau kawasan tidak berpenghuni

Tahap kesedaran bagi mencegah pembiakan nyamuk Aedes wajar ditingkatkan untuk memastikan kawasan kediaman bebas daripada zon ‘panas’. Dalam hal ini, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing terutama suri rumah supaya tidak mengabaikan aspek kebersihan di sekitar kediaman mereka.

Bagi Penolong Pengarah Kanan Kementerian Perdag-

angan Antarabangsa dan Industri (MITI), Mulyati Afiza Mutalib, 33, menghidap demam denggi ketika menuntun jurusan perakaunan di Universiti Teknologi MARA Shah Alam pada tahun 2002, beliau serik dan melaksanakan langkah pencegahan untuk mengelak tragedi berulang.

Beliau yang mempunyai serorang anak perempuan dan menetap di Seri Kembangan mengambil keputusan untuk membuang semua pasu bunga yang tidak digunakan di rumahnya untuk mengelak air bertakung dan pem-

biakan nyamuk Aedes.

“Saya juga membuang sampah dengan lebih teratur dan membersihkan tong sampah untuk memastikan tidak ada lelehan air kotoran sampah yang boleh menggalakkan pembiakan jentik-jentik,” katanya.

Berdasarkan pemerhatiannya, masih ramai penduduk yang tidak kisah untuk membersihkan kawasan masing-masing, selain ada rumah tidak berpenghuni terbiar dengan lalang tinggi dan longkang tersumbat.

Sepatutnya, dalam keadaan

Siti Norida sentiasa memakaikan anaknya baju lengan panjang untuk menghalang digigit nyamuk Aedes.



Utamakan keber

Pegawai Perhubungan Korporat NPE, Halmiee Saharudin, 35, pernah dua kali kena demam denggi iaitu ketika masih bersekolah dan sudah bekerja.

Menetap di Pantai Dalam yang sememangnya antara kawasan titik panas denggi, beliau sentiasa memastikan di rumahnya tidak ada air yang bertakung, membasuh bilik air setiap minggu selain mengemas rumah terutama di kawasan terlindung dari cahaya.

Pasang ubat nyamuk

“Nyamuk biasanya sukakan tempat yang gelap jadi saya sentiasa pasti-

kan rumah masuk cahaya matahari, selain sembur ubat serangga dua kali seminggu.

“Ubat nyamuk dipasang bermula jam 7 malam hingga 7 pagi, namun pada hujung minggu selama 24 jam,” katanya.

Galak anak pakai baju panjang

Pensyarah universiti swasta, Siti Norida Wahab, 33, tidak menetap di kawasan titik panas namun tetap mengambil langkah mencegah sebelum terkena.

“Berpindah ke kawasan perumahan baharu di Sungai Buloh ini dua

umah



sekarang, pihak berkuasa tempatan perlu lebih kerap membuat rondaan untuk memantau kawasan sedemikian bagi mengelak keadaan bertambah buruk.

Kerap lakukan semburan asap

Turut mengambil iktibar menerusi pengalaman, suri rumah, Shazraina Shabudin, 34, yang menetap di sebuah kondominium di Shah Alam serik selepas terpaksa melau penderitaan penyakit itu pada tahun 2007 sehingga terpaksa menerima rawatan di hospital selama 10 hari.

Ibu kepada dua anak itu berkata, sebagai langkah berjaga-jaga, setiap hari bermula jam 6 petang beliau akan menutup pintu dan tingkap sehingga jam 8 pagi keesokannya.

“Setengah jam sebelum tidur saya juga akan sembur ubat nyamuk untuk memastikan nyamuk tidak menggigit kami sekeluarga.

“Saya pastikan tidak ada air yang bertakung sama ada di pasu pokok, baldi atau sebagainya. Suami saya juga membantu menutup tingkap dan pintu apabila tiba waktu petang. Tinggal di kondominium tidak bermakna kami mengabaikan aspek tertentu seperti duduk di rumah teres,” katanya.

Beliau juga berharap supaya aktiviti semburan asap diadakan secara berkala untuk mengelak nyamuk Aedes bebas berterbangan.

Mulyati mendidik anaknya agar sentiasa menjaga kebersihan dan membuang sampah dengan betul.



“**Setengah jam sebelum tidur saya juga akan sembur ubat nyamuk untuk memastikan nyamuk tidak menggigit kami sekeluarga”**

Shazraina Shabudin,
Suri rumah


“Di sini saya akan tahu pasti ada kes baharu berkaitan demam denggi apabila ada pihak berwajib datang melakukan semburan asap,” katanya.

sihan

tahun lalu, ia agak selamat kerana pengairan saliran longkangnya tidak tersumbat malah persekitaran juga bersih.

“Kebersihan juga menjadi ciri apabila menghantar anak ke sesebuah TASKA dan TADIKA, saya tidak mahu mereka belajar dalam persekitaran kotor malah berpotensi biak nyamuk Aedes.

“Anak pun selepas mandi pada waktu petang akan terus memakai baju lengan panjang dan seluar panjang bagi mengelak gigitan nyamuk sehingga badan mereka berbekas dan menggaru sana sini serta perlu sapu ubat selalu,” katanya.



“
Nyamuk biasanya sukakan tempat yang gelap jadi saya sentiasa pastikan rumah masuk cahaya matahari selain sembur ubat serangga dua kali seminggu”

Halmie Saharudin,
Pegawai Perhubungan
Korporat NPE

INFO

Kenali tempat pembiakan

Nyamuk Aedes sukakan tempat air jernih yang bertakung, di dalam ataupun luar rumah. Antaranya;

- ⊙ Tangki air tandas yang tidak ditutup.
- ⊙ Takungan air di lantai tidak rata.
- ⊙ Akuarium tidak berfungsi.
- ⊙ Perangkap semut.
- ⊙ Timba.
- ⊙ Kolah mandi.
- ⊙ Tempat air peti sejuk.
- ⊙ Tempayan.
- ⊙ Tayar buruk.
- ⊙ Tempurung kelapa.
- ⊙ Botol atau gelas pecah yang mengandungi air.
- ⊙ Salur air hujan.
- ⊙ Pokok pisang.
- ⊙ Pokok keladi.
- ⊙ Longkang yang tersekat.
- ⊙ Pasu bunga.

Cegah dan musnah

Tip untuk ibu bapa

Kementerian Kesihatan menyenaraikan beberapa langkah pencegahan dan ini termasuk pastikan semua bekas air dilindungi dengan baik dengan membubuh pembasmi larva nyamuk seperti Abate, memakai pakaian berlengan panjang, seluar panjang berwarna cerah, pasang skrin nyamuk pada tingkap dan pintu premis.

Oleh kerana Aedes kebiasaannya aktif menggigit pada awal pagi dan waktu senja, dicadangkan supaya menggunakan penghalau serangga apabila berada di luar rumah, terutama pada jam 5 pagi hingga 7 pagi dan 5 petang hingga 8 malam di samping menjauhkan diri dari kawasan perumahan yang dilaporkan mempunyai kes denggi.

- ⊙ Air dalam tempayan, pasu bunga dan kolam mandi perlu diganti setiap minggu. Basuh bersih sebelum mengisi air yang baharu.
- ⊙ Air daripada pinggan alas pasu bunga juga perlu dibuang seminggu sekali dan gosok pinggan hingga bersih untuk musnahkan telur nyamuk.
- ⊙ Tutup semua bekas menyimpan air dengan rapat untuk mencegah nyamuk daripada bertelur manakala bekas yang tidak digunakan hendaklah dibuang ke dalam tong sampah atau ditanam.
- ⊙ Periksa saluran bumbung rumah seminggu sekali untuk membersihkan daun yang menyekat air daripada mengalir.
- ⊙ Masukkan dua sudu teh garam ke dalam perangkap semut untuk mencegah pembiakan nyamuk.
- ⊙ Pelihara ikan seperti gapi dan puyu dalam tangki besar yang memakan jentik-jentik.

Mengikuti laman sesawang mypositiveparenting, pakar pediatrik kardiologi dan perunding pediatrik Hospital KPJ Selangor, Datuk Dr Zulkifli Ismail, berkata sambil melaksanakan langkah memusnahkan lokasi pembiakan Aedes, ibu bapa juga boleh mengurangkan risiko gigitan nyamuk pada anak mereka. Ini termasuk;

- ⊙ Sapu atau semburan ubat serangga pada kulit anak apabila mereka keluar bermain.
- ⊙ Elak membenarkan anak keluar bermain pada awal pagi dan waktu senja.
- ⊙ Pakaikan anak baju lengan panjang dan seluar panjang apabila bermain di luar rumah.
- ⊙ Jauhkan anak daripada kawasan taman perumahan yang dilaporkan ada kes denggi.
- ⊙ Mengambil langkah berjaga-jaga apabila bercuti di negara yang lazimnya ada kes demam denggi di Asia Tenggara, Latin Amerika dan Caribbean kerana denggi tidak hanya berlaku di Malaysia!

